

**Bersih minta Australia pastikan pilihan raya Malaysia bebas**  
**Malaysian Insider**  
**April 8, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 April — Pertubuhan pemerhati pilihan raya Bersih memohon agar kerajaan Australia memastikan Pilihan Raya 2013 negara ini diadakan dengan adil, ekoran insiden keganasan politik yang semakin menular sejak kebelakangan ini menjelang pilihan raya yang semakin hampir.

Pergerakan antarabangsa Global Bersih, cabang daripada Bersih 2.0, turut berkata perkara itu juga akan dimaklumkan kepada kerajaan British dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengetengahkan isu keganasan politik dalam pilihan raya umum ke -13, yang mana dijangka pilihan raya paling sengit kali ini.

“(Bersih) memberikan peluang Australia untuk menegakkan nilai-nilai demokratik di negara ini ekoran penyertaan sebagai ahli baru dalam anggota PBB, kerajaan ALP Australia dan Senator Carr mempunyai kepentingan untuk menggesa Perdana Menteri Malaysia dan kerajaan Umno-Barisan Nasional (BN) untuk menghormati dan memerhati pilihan raya yang adil dan bersih,” kata Global Bersih dalam kenyataannya.

Senator bebas Australia Nick Xenophon bagaimanapun telah dihalang memasuki Malaysia pada Februari lalu dan dihantar pulang sejurus beliau memasuki Kuala Lumpur untuk memerhati sistem pilihan raya negara ini.

Global Bersih juga turut menjelaskan tiada tindakan diambil setakat ini walaupun terdapatnya ancaman bunuh dibuat terhadap pemimpin pembangkang.

“Apabila Parlimen Malaysia dibubar pada 3 April, Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi di Twitternya berkata: ‘Kita perlu memasuki kawasan perang untuk membunuh penceroboh politik’,” kata Global Bersih.

Jentera parti Umno juga turut berteriak “Bunuh Tian Chua” dalam satu perhimpunan bulan lalu apabila Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengadakan himpunan dibelakang BN dan “menghapuskan pengkhianat” seperti Naib Presiden PKR Tian Chua, komponen parti Pakatan Rakyat yang didakwa membawa masuk penceroboh Sulu ke Sabah.

Najib dan parti gabungannya dikritik ekoran membisu dengan tindakan keganasan terhadap pembangkang, didakwa berpunca daripada penyokong BN atau kumpulan pendesak yang berkaitan dengan Umno.

Nurul Izzah Anwar dan Charles Santiago juga gagal dalam cubaan mereka dalam tindakan mahkamah bagi mengarahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membersihkan senarai daftar pemilih di Parlimen Lembah Pantai dan Klang.

“Australia bukan sahaja mesti, tetapi juga perlu memainkan peranan kritikal untuk memastikan rakan PBB, sahabat Komanwel, dan sekutu seperti Malaysia memenuhi keperluan demokrasinya dan menghormati hak rakyat tanpa keganasan, dan penipuan pilihan raya,” kata Global Bersih.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-minta-australia-pastikan-pilihan-raya-malaysia-bebas/>